

# Perlu ada

# agenda sendiri

20 OCT 2003

**D**ATUK Seri dianggap sebagai anti-Barat disebabkan oleh pandangan mengenai beberapa isu. Adakah Datuk Seri benar-benar anti-Barat?

**DR. MAHATHIR:** Saya bukannya anti-Barat. Saya ada ramai kawan dari kalangan mereka. Tapi apabila mereka melakukan sesuatu yang salah, saya rasa menjadi tanggungjawab saya untuk mengkritik mereka sebagaimana mereka mengkritik kita. Sekiranya mereka merasakan mereka ada hak untuk mengkritik kita, saya rasa kita juga ada hak untuk mengkritik mereka.

Pada mesyuarat WTO (Pertubuhan Perdagangan Sedunia) di Cancun, kita berjaya mendapatkan sokongan dari negara-negara sedang membangun untuk menyekat dasar-dasar yang tidak adil yang dicadangkan oleh negara-negara maju. Apa yang perlu kita lakukan sekarang?

**DR. MAHATHIR:** Kita harus mempunyai agenda. Kita tidak seharusnya katakan "tidak" kepada agenda mereka dan berhenti (setakat itu). Kita perlu ada agenda sendiri, program kita sendiri yang akan membantu mengagihkan kekayaan dengan lebih adil dan saksama (antara kalangan negara-negara sedang membangun).

Boleh Datuk Seri katakan bahawa apa yang berlaku di Cancun adalah satu Perkongsian Pintar di kalangan negara-negara membangun?

**DR. MAHATHIR:** Dari satu sudut, ya. Untuk pertama kali, saya yakin bahawa semua negara-negara ini akan menghadapi tekanan selepas ini.

Datuk Seri diberikan kredit dengan memulakan projek kereta kebangsaan pada tahun 1989. Semasa kita memulakannya, timbul keraguan, malah ada sesetengah pihak mengatakan bahawa Proton tidak punyai asas yang baik. Tapi Proton telah maju dan sedia untuk menghadapi pasaran global, terutamanya dalam pasaran pilihan. Dalam proses itu, kita juga berjaya wujudkan asas industri dalam negara. Boleh beri komen mengenai perkara ini?

**DR. MAHATHIR:** Kita punyai banyak idea, sesetengahnya berjaya, sesetengahnya gagal. Seperti semua perniagaan, anda tidak boleh jamin bahawa ia akan berjaya. Dalam kes Proton, kita berjaya. Tapi dalam kes Perwaja Steel, kita gagal dan orang ramai berkata "Betapa bodoh kita ini" kerana kita bercadang untuk memiliki industri berat. Ya, ia gagal, bukan disebabkan idea yang tidak bernas, tapi sebab mereka tidak tahu mengurus. Dalam kes Proton, mulanya ia tidak berjalan dengan baik, kemudiannya kita terpaksa membawa masuk pakar-pakar Jepun untuk mengurus, dan pakar-pakar Jepun berjaya meletakkan ia balik ke landasan, dan hari

## MUKADIMAH

TEMU bual Bernama dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang diadakan Selasa lalu sejurus selepas merasmikan Ekspo OIC 2003, pameran perdagangan yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya.

Menurut para pegawainya, temu bual yang diberikan oleh Dr. Mahathir di bilik VIP, tapak ekspo itu merupakan temu bual eksklusif terakhir yang diberikan Dr. Mahathir kepada media sebelum melepaskan jawatan pada 31 Oktober ini.

Semalam, *Mingguan Malaysia* menyiarkan bahagian pertama dan berikut adalah bahagian akhir.

ri ceritakan beberapa daripadanya?

**DR. MAHATHIR:** Ya, saya telah pun katakan bahawa saya berasa kecewa kerana orang Melayu yang kita cuba bantu tidak menggunakan peluang yang kita wujudkan untuk mereka. Mereka kata mereka tidak ada dana, kita wujudkan banyak tabung, mereka kata mereka tiada ada peluang, kita wujudkan banyak peluang, mereka kata mereka tidak ada premis, kita bina premis untuk mereka, kita bimbang mereka bagaimana untuk menjalankan perniagaan tetapi tidak mengamalkan budayanya. Tiada sesiapa akan berjaya jika mengamalkan budaya yang salah. Dan mereka fikir oleh kerana kita akan bantu mereka, mereka tidak perlu ambil kisah, mereka hanya terima apa sahaja yang diberikan kepada mereka. Atau mereka jual peluang yang diberikan kepada mereka. Baru-baru ini, kita katakan yang mereka boleh buat pinjaman tanpa cagaran, iaitu bagi industri kecil. Dan mereka datang untuk meminjam, malahan tanpa sebarang perancangan perniagaan, tanpa sebarang cadangan mengenai apa yang mereka mahu buat dengan wang itu. Dan kita tahu mereka tidak akan dapat memanfaatkan wang itu kerana mereka tidak ada idea untuk gunakan wang itu untuk apa. Malahan jika kita mahu pinjam wang dari bank, okay, bank tidak perlukan cagaran tetapi mereka mahu tahu kita mahu gunakan wang itu untuk apa bagi menjamin yang kita boleh bayar balik pinjaman. Tetapi orang fikir, oleh kerana kerajaan telah katakan tidak perlukan cagaran, mereka datang ke bank dan berkata, "Saya mahu pinjam wang sebanyak ini," tetapi apabila ditanya apa yang mereka mahu lakukan dengan wang itu, adakah mereka menjalankan sebarang kajian kemungki-

ini ia berjalan baik. Sama juga dengan Perstima, syarikat menyadur tin, ia melalui beberapa peringkat. Juga kilang simen di Langkawi. Semua ini adalah permulaan industri berat, yang kita ada. Jadi anda boleh lihat bahawa sesetengahnya gagal, sesetengahnya berjaya. Sudah tentu bagi merekayang tidak suka dengan kita akan berkata "Betapa bodoh mereka ini untuk memulakan industri besi?" Ia bukan kerana kita bodoh, (cuma) sesetengah kita tidak tahu cara untuk mengurus.

**Boleh Datuk Seri katakan bahawa pembinaan Perwaja adalah satu kesilapan?**

**DR. MAHATHIR:** Tidak, Perwaja adalah satu daripada beberapa kerat projek yang gagal. Ia sebenarnya bukan kesilapan. Adalah mudah untuk membuat keputusan untuk melakukan sesuatu. Tapi sekiranya anda menyerahkan ia kepada orang yang seharusnya melaksanakannya dan mereka gagal, bukan bermakna idea itu salah, ia adalah kegagalan pengurusan. Contohnya ada suatu ketika seseorang cuba menyekat pasaran bijih timah. Mereka mula menjual bijih pada harga yang rendah sehingga orang ramai mula membelinya, dan kita tahu mereka tidak punyai bijih. Kita masuk untuk membeli bijih pada harga yang rendah. Malangnya orang yang kita minta untuk beli bijih itu beli lebih daripada apa yang kita minta. Akhirnya apabila tiba masa untuk kita hantar logam ini, sudah pasti orang-orang ini tidak mempunyai bijih yang sudah dijual kepada kita. Dan anda tahu apa yang London Metal Exchange buat? Mereka kata "Tidak, anda tidak perlu hantar." Ia adalah satu kontrak dan mereka kata anda tidak perlu hantar, dan kita rugi, kita hilang duit bukan kerana kita bodoh, tapi kerana London Metal Exchange kata mereka tidak perlu hantar kontrak mereka.

**Bagaimana Datuk Seri terima kenyataan bahawa Perwaja gagal semasa permintaan untuk besi ketika itu amat tinggi?**

**DR. MAHATHIR:** Begini, kilang besi perlu berjalan dengan efisien kerana walaupun ada permintaan, tapi sekiranya kos pengeluaran melebihi daripada harga yang kita jual, anda masih rugi. Orang yang awal yang menguruskan Perwaja satu ketika dahulu sebenarnya menguruskan ia dari KL (Kuala Lumpur), mereka langsung tidak pergi ke peringkat bawah, mereka tidak faham mengenai kilang besi, pengeluaran besi, mereka tidak faham proses, jadi mereka tidak tahu cara untuk menurunkan kos. Mereka mengeluarkan besi yang mereka tidak dapat jual dan kilang semakin musnah. Anda tidak tahu mengendalikan kilang itu kerana semua kilang-kilang tersebut memerlukan kemahiran dalam aspek pengurusan untuk menjadikan ia berjaya. Sekiranya anda tidak faham teknologi tersebut, anda tidak akan berjaya. Jadi itu yang berlaku kepada Perwaja.

**Datuk Seri, selepas lebih 40 tahun dalam khidmat awam, pasti Datuk Seri ada berasa kecewa. Boleh Datuk Se-**

**nan, apa aset yang mereka ada, apa yang mereka ingin lakukan mengenainya, apakah pengalaman mereka sebelum ini, mereka berkata, "Ah, jangan tanya kami semua soalan itu, berikan saja wang kepada kami." Itu mustahil.**

**Tidakkah Datuk Seri pernah terfikir yang Datuk Seri terlalu merendah diri kerana ramai Melayu yang telah berjaya. Adakah Datuk Seri menetapkan standard yang terlalu tinggi bagi diri sendiri?**

**DR. MAHATHIR:** Saya fikir mereka boleh berbuat lebih baik. Tetapi saya perlu akui terdapat beberapa orang Melayu yang telah melakukannya dengan cemerlang. Amat, amat cemerlang. Dan kita juga membantu mereka walaupun mereka berjaya kerana jika seseorang itu tahu bagaimana untuk menjalankan perniagaan, kita patut tolong mereka. Tidak patut ada halangan dalam usaha itu. Adakalanya mereka hadapi masalah, kadangkala oleh golongan birokrat, kita patut campur tangan dan membantu kerana kita mahu melihat orang Melayu dan Bumiputera lain juga menjadi kaya. Jika tidak, akan wujud jurang perbezaan di mana golongan amat kaya ialah bukan Bumiputera. Walaupun ada Bumiputera menjalankan perniagaan, mereka sebenarnya menjalankan perniagaan kecil sahaja.

**Sejak dari hari Datuk Seri mengambilib alih sebagai Perdana Menteri, dapatkah Datuk Seri katakan bahawa terdapat peningkatan drastik, mungkin tidak pada standard Datuk Seri? Oleh kerana Datuk Seri akan berundur pada akhir bulan ini, adakah Datuk Seri rasa Datuk Seri telah menyumbang sesuatu?**

**DR. MAHATHIR:** Saya ingin katakan memang ada kejayaan. Contohnya, ketika saya baru bermula, satu daripada perkara yang saya mahu lihat ialah perlu ada nama-nama eksekutif Melayu yang dinaikkan pangkat atau dilantik kerana pada masa itu tidak ada langsung, tidak seorang pun. Tetapi sekarang kita bukan sahaja menyaksikan orang Melayu memegang jawatan tinggi, menerima gaji lumayan tetapi juga berjaya dalam perniagaan. Daripada segi itu, saya gembira dengan pencapaian mereka.

**Pentadbiran Datuk Seri adalah prowanita. Wanita telah mencapai kemajuan dalam pentadbiran dan kini terdapat tiga menteri Kabinet wanita. Dalam perkhidmatan awam juga, kita juga mempunyai beberapa wanita yang mengetuai jabatan dan kementerian. Tetapi sektor swasta masih ketinggalan dan boleh dikatakan jarang sekali ada CEO wanita, misalnya, bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur?**

**DR. MAHATHIR:** Memang terdapat banyak kemajuan berbanding sebelum ini. Di sektor swasta, kita mempunyai ramai wanita yang amat berjaya, mungkin kejayaan itu tidak setara dengan kejayaan beberapa lelaki terkemuka tetapi mereka berjaya. Terdapat eksekutif (wanita). Da-

lam banyak perniagaan, mereka malahan menerajui syarikat asing. Saya fikir mereka agak cemerlang dan mereka akan menjadi lebih baik kerana kini 70 peratus penuntut di universiti adalah wanita.

**Ringgit kita masih ditambat pada RM3.80 berbanding dolar Amerika dan banyak orang sedang memerhati jika kita akan menarik balik kawalan kadar tukaran terpilih itu selepas kita laksanakan ia kira-kira lima tahun lalu. Adakah Datuk Seri fikir tambatan itu masih lagi relevau apabila keadaan tidak menentu kini sudah semakin hilang?**

**DR. MAHATHIR:** Kita tidak akan hilang apa-apa dengan tambatan, tapi kita mungkin akan hilang sesuatu dengan membenarkan ia bebas terapung. Spekulator mungkin akan masuk. Manipulator mungkin akan masuk. Dengan kadar tukaran tetap, orang ramai boleh pasti bahawa akhirnya mereka tidak akan rugi. Tetapi dengan nilainya diapungkan, kita perlu menambatnya, dan ia babitkan kos. Jadi mengapa kita hendak tingkatan kos menjalankan peniagaan dengan mengapungkan mata wane kita. Sehingga kita

jadi emas tidak akan naik atau turun dengan banyak. Jadi kita punyai mata wang yang lebih stabil.

**Jadi Datuk Seri fikir dinar emas boleh menjadi alternatif kepada dolar Amerika?**

**DR. MAHATHIR:** Ya, ya, kita boleh mulakan, kita sedang bermula untuk berurusan dengan beberapa negara untuk menunjukkan bahawa ia boleh dilaksanakan. Apabila kita sudah tunjukkan bahawa ia boleh dilaksanakan, lam-lain negara akan turut menyertainya nanti.

**Dalam isu penting mengenai pendidikan, satu kritikan mengenai sistem pendidikan yang dijalankan oleh sektor awam kita dan sekolah-sekolah kebangsaan adalah terlalu bercirikan Melayu. Kerajaan telah membuat perubahan yang penting dengan menggunakan Bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik secara berperingkat. Ramai mahukan kerajaan memasukkan kandungan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan kita?**

**DR. MAHATHIR:** Sekolah-sekolah kebangsaan telah ditukar kepada bukan ha-

**cabar Datuk Seri dan kedua pada 1997 ketika krisis kewangan. Benarkah hanya beberapa kerat sahaja yang menyokong Datuk Seri ketika itu?**

**DR. MAHATHIR:** Saya fikir pada 1987, dan seperti yang anda tahu, saya berjaya melaluinya walaupun UMNO diisytiharkan haram. Masa itu, ada perpecahan. Saya fikir kita telah berjaya memulihkan semula UMNO dan membawa masuk semula sebahagian besar ahli kembali kepada UMNO di mana pada pilihan raya umum 1991 dan 1995, kita menang dengan majoriti lebih besar. Walaupun ada yang menentang saya, majoriti tetap bersama saya. Dalam kes krisis kewangan, orang sebenarnya keliru. Saya terpaksa berusaha dengan sekumpulan yang kecil. Dan kami dalam kumpulan itu terpaksa membuat keputusan selepas saya berjaya meyakinkan orang bahawa tambatan mata wang dan pengawalan modal tidak akan menjejaskan ekonomi dan reputasi Malaysia. Tetapi saya dapat meyakinkan bilangan yang mencukupi dan akhirnya, kumpulan kecil ini iaitu MTEN (Majlis Tindakan Ekonomi Malaysia), mereka bersetuju dan kita dapat melaksanakannya walaupun Gabenor Bank Negara dan timbalannya berhenti. Macam mana pun kita teruskan juga. Apabila ia mulai berkesan, orang akan merenung balik dan berfikir dengan cara kita.

**Adakah Datuk Seri berasa sepi di atas?**

**DR. MAHATHIR:** Sering kali saya berasa sepi apabila saya fikirkan mengenai sesuatu yang tidak mengikut kelaziman. Saya biasanya tidak bercakap banyak mengenai perkara ini, apabila saya menjadi Perdana Menteri, perkara pertama yang saya minta ialah supaya dikaji semula semua perkara yang dilakukan oleh kerajaan dan menentukan sama ada perkara itu betul atau wajar dilaksanakan, ia membawa hasil atau tidak. Jika tidak membawa hasil, maka kita kena ubah. Jika ia membawa hasil, kita perlu lihat bagaimana dapat diperbaiki hasilnya, semua perkara yang dibuat oleh kerajaan. Maka kita mengubah banyak perkara. Sebagai contoh, sebelum itu kerajaan berpendirian ia tidak akan bekerjasama dengan sektor swasta. Kita mengkaji dasar itu dan dapati ia tidak produktif. Jadi kita perkenalkan Malaysia Diperbadankan. Kemudian kita lihat kepada prestasi jabatan-jabatan kerajaan. Kita cuba memperbaiki jabatan-jabatan kerajaan. Syarikat-syarikat kerajaan, sebagai contohnya, tidak begitu berjaya. Kita membuat keputusan penswastaaan. Dan banyak lagi perkara yang tidak mengikut kelaziman, kita ke hadapan dari banyak negara lain, juga dunia. Penswastaaan bermula di Malaysia awal dari negara-negara lain dan jika anda merenung balik, anda akan dapati kita antara yang pertama, jika bukan yang pertama dalam penswastaaan. Itu cara kita. Sudah tentu, kadang-kadang orang akan meragui sama ada kita boleh atau tidak melakukannya. Jadi masa itu, mungkin kita berasa sepi sedikit tetapi akhirnya diterima ramai.

dapati bahawa kita tidak memperoleh nilai yang sewajarnya dari wang kita, kita harus kekal dengan kadar tukaran yang tetap.

## ● Hari ini dolar Amerika adalah berbeza 30 peratus nilainya berbanding hanya tahun lalu. Jadi duit kertas boleh bertukar. Tapi emas, ia mempunyai nilai di pasaran ●

**Apa perkembangan terbaru mengenai penggunaan dinar emas untuk perdagangan antara negara-negara Islam. Adakah Datuk Seri fikir ia boleh membantu mengukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara negara-negara Islam?**

**DR. MAHATHIR:** Ya, kita sedang berusaha ke arahnya. Ia bukan perkara mudah untuk menyakinkan orang ramai. Mereka sudah biasa dengan dolar Amerika yang tidak mempunyai nilai hakiki, cuma sekeping kertas di mana beberapa nombor dicetak atasnya. Nilainya boleh naik dan turun. Hari ini dolar Amerika adalah berbeza 30 peratus nilainya berbanding hanya tahun lalu. Jadi duit kertas boleh bertukar. Tapi emas, ia mempunyai nilai di pasaran. Paling kurang yang anda boleh lakukan adalah menjualkan ia dalam pasaran kepada seseorang yang boleh menggunakan ia sebagai barang kemas atau apa sahaja. Tapi anda tidak boleh jual kertas untuk dapat apa-apa. Pada dasarnya ia tidak mempunyai nilai lebih daripada kertas tandas. Jadi itu sebabnya kita telah menggalakkan penggunaan dinar. Bukan untuk kegunaan dalaman, bukan untuk urusaniaga antara negara, tapi untuk tujuan perdagangan. Hari ini kita sedang menggunakan dolar Amerika untuk tujuan perdagangan kerana dolar Amerika boleh ditukar dengan mata wang kita pada kadar 3.80 dan ia boleh diguna untuk ditukar dengan euro pada kadar tertentu. Jadi kita gunakan dolar Amerika sebagai standard rujukan mata wang. Tapi jika kita tukar dolar Amerika dan gunakan emas,

nya sebuah sekolah Melayu, tetapi kepada sekolah-sekolah Islam oleh para guru, oleh guru-guru agama yang bertegas dalam semua perkara yang dianggap Islam. Hasilnya kaum Cina dan India tidak merasa selesa dan mereka enggan untuk ke sekolah-sekolah ini. Ia bukan dasar kerajaan, ia cuma dilakukan pada peringkat ini. Kemudian anda tahu mereka langsung tidak benarkan pelajar-pelajar bermain atau memakai seluar pendek. Malah pasukan bola sepak Arab Saudi memakai seluar pendek (tapi) kanak-kanak yang bermain bola sepak di sekolah-sekolah kebangsaan tidak dibenarkan memakai seluar pendek. Ia agak tidak masuk akal. Tapi kita perlu hentikan ia, sehingga ke peringkat mungkin melenyapkan sekolah-sekolah agama dariqada sekolah kebangsaan. Kita bekalkan dengan pendidikan agama yang mencukupi di sekolah-sekolah dan tidak perlu ada "perkara-perkara lain" yang perlu diperkenalkan.

Bagi aspek bahasa Inggeris pula, kita dapati dalam usaha untuk mempelajari sains dan matematik dalam bahasa Malaysia, kita dapati bahawa kita perlu buku-buku teks yang baik dan kita perlu kemaskini setiap masa. Sains bukan perkara yang statik. Jadi siapa yang akan bekalkan buku-buku teks, siapa yang akan menterjemah, perlu memiliki tiga kelayakan - anda perlu fasih berbahasa Inggeris, anda perlu fasih bahasa Malaysia dan anda perlu tahu mata pelajaran tersebut, anda perlu menjadi pakar dalam mata pelajarannya itu, tidak ramai yang boleh melakukannya. Lebih mudah bagi kita untuk menggunakan bahasa Inggeris dan dapatkan akses dengan lebih pantas kepada semua bahasa dan semua penemuan sains dalam bahasa Inggeris. Jadi itu sebabnya kita perkenalkan Bahasa Inggeris. Bagi aspek menguasai bahasa Inggeris pula, keseimbangan kita adalah pegawai-pegawai hal ehwal luar kita tidak mampu memainkan peranan di peringkat antarabangsa kerana kelemahan menguasai bahasa itu. Mereka mengikuti sistem pendidikan Melayu. Walaupun kita minta mereka belajar bahasa Inggeris, mereka abaikannya. Kaum Cina dan India, mereka belajar tiga bahasa - Bahasa Mandarin atau Tamil, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, dan mereka boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan lebih fasih daripada kaum Melayu kerana kanak-kanak Melayu percaya bahawa ini adalah Malaysia, jadi mengapa kita seharusnya belajar sebarang bahasa lain, yang sudah pasti akan memberikan mereka aset yang akan berpihak kepada mereka. Ini perlu diubah, dan saya fikir para ibu bapa kini sudah menerima bahawa mereka perlu mempelajari bahasa Inggeris. Dan dalam zaman moden ini, semua seharusnya menguasai dua bahasa, bahasa ibunda dan bahasa lain.

**Sepanjang 22 tahun sebagai Perdana Menteri, terdapat dua waktu yang mencabar - satu pada 1987 apabila Tengku Razaleigh Hamzah men-**

**Pilihan raya semakin hampir. Seperti pilihan raya sebelumnya, akan ada muka baru. Apa nasihat Datuk Seri kepada calon-calon berpotensi dan mereka yang tidak terpilih?**

**DR. MAHATHIR:** Sebelum ini, saya malu nak beritahu mereka masanya telah tiba bagi mereka untuk berundur kerana mereka boleh berkata balik "bagaimana Datuk Seri sendiri". Sekarang oleh kerana saya akan bersara, saya boleh beritahu mereka "awak hanya boleh berkhidmat untuk satu tempoh masa saja. Awak tak boleh kekal selama-lamanya. Awak tak boleh pegang jawatan sampai mati. Awak mesti ingat bahawa awak naik kerana orang-orang itu menolong awak. Sekarang giliran mereka dan awak mesti bantu mereka, bukan sahaja dengan berundur tetapi dengan membantu calon baru untuk menang. Itu yang saya fikir kita semua perlu lakukan, itulah yang saya akan buat. Saya perlu membantu dalam pilihan raya walaupun saya bukan seorang calon. Saya tidak akan menjadi calon.

**Mengenai perkara ini, sebilangan pemimpin Barisan Nasional yang sezaman dengan Datuk Seri belum lagi memberikan petanda tentang rancangan persaraan mereka. Ada nasihat untuk mereka?**

**DR. MAHATHIR:** Terpulanglah kepada mereka. Saya berpendapat bahawa selepas satu tempoh, kita jadi lapuk, tidak bermaya lagi. Dan saya fikir kudrat kita tidak sebaik generasi muda. Saya mendapat manfaat daripada (Allahyarham) Tun Hussein (Onn) yang meletak jawatan. Saya tidak memaksa beliau berundur, beliau sendiri meletak jawatan. Jika beliau tidak meletak jawatan, maka saya tidak berpeluang berbuat apa-apa. Sekalipun kita melakukan sesuatu dengan baik, kita kena terima hakikat bahawa ada orang lain mungkin dapat melakukan yang lebih baik daripada kita.

**Reaksi rakyat Malaysia di seluruh dunia terhadap rancangan persaraan Datuk Seri dapat dilihat semasa Datuk Seri berada di Amerika Syarikat dan Monaco baru-baru ini, mereka begitu beremosi dan menitiskan air mata. Jika Datuk Seri mempunyai satu harapan atau impian untuk Malaysia, apakah ia?**

**DR. MAHATHIR** Saya percaya orang akan mengenali saya, merindui saya dan sebagainya. Tetapi saya percaya yang terbaik dapat mereka lakukan, sudah tentu, memastikan Malaysia berjaya, sama ada dengan menyokong kerajaan atau jika diberi peluang berbuat sesuatu, lakukan yang terbaik. Jika menjalankan perniagaan, buat yang terbaik. Jika berada dalam kerajaan, anda (mesti) bekerja kuat untuk menghasilkan keputusan yang tepat dan sebagainya. Saya percaya itu yang kita berikan kepada masyarakat, apa yang menjadi milik masyarakat.